

R GB 23-12 00166 BH569

aab

Mahathir - Akhlak

SERANGAN KE ATAS AKHLAK AKAN MEMUNCAK DI MASA DEPAN, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia mesti mempertahankan dan memupuk nilai-nilai tinggi akhlak bagi mengekal kejayaan-kejayaan sekarang kerana serangan-serangan ke atas asas dan nilai akhlak akan memuncak pada tahun-tahun akan datang.

Katanya serangan-serangan sedemikian telah merosak dan meruntuhkan negara-negara besar dan akhirnya negara-negara itu jatuh daripada kedudukan penting mereka.

"Ini kerana mereka tidak menghiraukan kesusilaan dan nilai-nilai akhlak yang telah membina masyarakat mereka," katanya semasa menutup "Persidangan Antarabangsa Pelajar-pelajar Malaysia mengenai Wawasan 2020" di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia akan menghadapi suasana yang serupa kerana ia berlaku kepada hampir semua masyarakat maju dan sebenarnya kepada semua tamadun pada masa lepas.

"Kita tidak boleh membiarkan ia berlaku kepada kita. Jika kita benarkan ia berlaku, kejayaan-kejayaan kita akan menjadi sia-sia," katanya. -- Lagi

♥23/12/19-02MST

R GB 23-12 00173 BH570

aab

Mahathir - Akhlak 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang mentakrifkan semua sembilan cabaran Wawasan 2020 dalam ucapannya itu mengambil sedikit masa untuk menerangkan kepada para peserta persidangan lima hari itu cabaran keempat -- untuk membentuk sebuah masyarakat yang berakhlak dan bersusila, di mana rakyat berpegang kuat kepada agama dan nilai-nilai kerohanian dan diliputi taraf etika yang tinggi.

Para peserta terdiri daripada 60 pelajar Malaysia yang sedang menuntut di beberapa buah universiti luar negara dan 40 dari universiti tempatan.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020 tidak merupakan wawasan ekonomi sahaja tetapi juga wawasan kemasyarakatan, psikologi dan kebudayaan.

"Kita percaya kepada pembentukan sebuah masyarakat penyayang dan pemurah, sebuah masyarakat yang dinamik tetapi bukan haloba. Kita mahukan sebuah masyarakat yang berperikemanusiaan," tambahnya.

Katanya kerajaan juga mahu membina sebuah masyarakat yang matang, berpendirian sederhana dan bertolak ansur di mana semua rakyat Malaysia tanpa mengira warna kulit dan keturunan bebas mengamal dan menganuti adat resam, kebudayaan dan kepercayaan agama dan rasa bangga sebagai satu Bangsa Malaysia. -- Lagi

♥23/12/19-29MST

Mahathir - Akhlak 3 (akhir) Kuala Lumpur

Ketika menggulung penjelasannya mengenai Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata wawasan itu menggariskan dua cabaran politik yang membentuk asas paling penting untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan.

Pertama, katanya ialah untuk menjalin dan membentuk sebuah masyarakat demokratik yang mengamalkan satu bentuk persepakatan, demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Kedua, untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu yang memiliki dan berkongsi satu matlamat, sebuah negara yang aman, wilayah dan bangsa yang berintegrasi, hidup dalam keharmonian dan saksama, terdiri daripada sebuah bangsa Malaysia yang menumpukan kesetiaan sepenuhnya kepada negara.

"Bagi semua matlamat utama yang ditetapkan dalam Wawasan 2020, adalah bodoh bagi kita untuk melupakan bahawa perpaduan kebangsaan adalah yang paling penting, iaitu asas utama matlamat kita," tambahnya.

Sebagai penutup, Perdana Menteri berkata: "Banyak yang perlu dilakukan dan dicapai dalam tempoh 312 bulan ke 2020. Untuk mencapai apa yang mesti dicapai memerlukan pengemblengan seluruh rakyat Malaysia."

Dr Mahathir kemudian menjawab 13 pertanyaan daripada para peserta dalam majlis dialog tertutup yang memakan masa lebih satu jam. -- Bernama

AH SIA